



4 Ogos 2017
4 August 2017
P.U. (B) 399

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

ARAHAN KHAS MENTERI

SPECIAL DIRECTION OF THE MINISTER

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA BANTUAN BERSAMA DALAM PERKARA JENAYAH 2002

ARAHAN KHAS MENTERI

BAHAWASANYA:

- (a) suatu siasatan yang berhubungan dengan suatu perkara jenayah yang melibatkan kesalahan berat asing, iaitu suatu kesalahan di bawah artikel 216/1, 217/1 dan 218/1 *Federal Penal Code no. 3 of the year 1987* telah dimulakan di Emiriah Arab Bersatu, suatu Negara asing;
- (b) *Ministry of Justice* Emiriah Arab Bersatu telah membuat suatu permintaan bagi bantuan bersama berhubungan dengan perkara jenayah itu di bawah Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002 [Akta 621];
- (c) tiada perintah di bawah seksyen 17 Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002 telah dibuat berhubungan dengan Emiriah Arab Bersatu; dan
- (d) Peguam Negara telah mengesyorkan bahawa bantuan bersama diberikan kepada Emiriah Arab Bersatu berhubungan dengan perkara jenayah itu di bawah Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada saya oleh seksyen 18 Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002, saya, Dato' Sri Azalina binti Dato' Othman Said, Menteri yang bertanggungjawab bagi hal ehwal undang-undang di Malaysia, dengan ini mengarahkan supaya peruntukan Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002 terpakai berhubungan dengan permintaan bagi bantuan bersama berhubungan dengan perkara jenayah itu seolah-olah suatu perintah yang dibuat di bawah seksyen 17 Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002 berkuat kuasa berkenaan dengan Emiriah Arab Bersatu tanpa apa-apa sekatan, had, kecualian, ubah suaian, penyesuaian, syarat atau batasan.

Bertarikh 19 Julai 2017
[PN(R)152/185/29/57-7; PN(PU2)628/XI]

DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID
Menteri di Jabatan Perdana Menteri

MUTUAL ASSISTANCE IN CRIMINAL MATTERS ACT 2002

SPECIAL DIRECTION OF THE MINISTER

WHEREAS:

- (a) an investigation relating to a criminal matter involving a foreign serious offence, that is an offence under article 216/1, 217/1 and 218/1 of the Federal Penal Code no. 3 of the year 1987 has commenced in the United Arab Emirates, a foreign State;
- (b) the Ministry of Justice of the United Arab Emirates has made a request for mutual assistance in relation to that criminal matter under the Mutual Assistance in Criminal Matters Act 2002 [*Act 621*];
- (c) no order under section 17 of the Mutual Assistance in Criminal Matters Act 2002 has been made in relation to the United Arab Emirates; and
- (d) the Attorney General has recommended that mutual assistance be given to the United Arab Emirates in relation to that criminal matter under the Mutual Assistance in Criminal Matters Act 2002:

NOW THEREFORE, in exercise of the powers conferred on me by section 18 of the Mutual Assistance in Criminal Matters Act 2002, I, Dato' Sri Azalina binti Dato' Othman Said, the Minister responsible for legal affairs in Malaysia, do direct that the provisions of the Mutual Assistance in Criminal Matters Act 2002 be applied in relation to the request for mutual assistance in relation to that criminal matter as if there is in effect in respect of the United Arab Emirates an order made under section 17 of the Mutual Assistance in Criminal Matters Act 2002 without any restriction, limitation, exception, modification, adaptation, condition or qualification.

Dated 19 July 2017
[PN(R)152/185/29/57-7; PN(PU2)628/XI]

DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID
Minister in the Prime Minister's Department